

## **MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENGAJARAN BRAILLE: SINTESIS TEORI DAN KAEDAH UNTUK PENDIDIKAN KHAS KETIDAKUPAYAAN PENGLIHATAN**

*IMPROVING THE EFFECTIVENESS OF BRAILLE TEACHING: SYNTHESIS OF  
THEORIES AND METHODS FOR SPECIAL EDUCATION IN VISUAL  
IMPAIRMENT*

Azizah Awang<sup>1</sup>, Intan Farahana Abdul Rani<sup>2\*</sup>, Nur Adillah Ramly<sup>3</sup>, Nur Shahidah Munirah Wahap<sup>4</sup>, Norsyida Md Zin<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: aziey2143@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: intanfarahana@fpm.upsi.edu.my

<sup>3</sup> Pusat Perkembangan Penyelidikan Kanak-kanak Negara, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: adillah.ramly@gmail.com

<sup>4</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: shahidmunir116@gmail.com

<sup>5</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: norsyida@yahoo.com

\* Corresponding Author

---

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 17.07.2024

Revised date: 31.07.2022

Accepted date: 28.08.2024

Published date: 30.09.2024

#### To cite this document:

Awang, A., Rani, I. F. A., Ramlu, N. A., Wahap, N. S. M., & Zin, N. M. (2024). Pengajaran Braille: Sintesis Teori Dan Kaedah Untuk Pendidikan Khas Ketidakupayaan Penglihatan. *International Journal of Modern Education*, 6 (22), 369-388.

---

### Abstrak:

Pengajaran braille merupakan komponen utama dalam pendidikan khas bagi kanak-kanak ketidakupayaan penglihatan (KKP), tetapi pelbagai cabaran masih dihadapi dalam pelaksanaan pengajaran braille. Masalah utama termasuk kekurangan kaedah pengajaran yang fleksibel, kekurangan latihan guru yang komprehensif dan kurangnya integrasi teknologi. Objektif kajian ini adalah untuk menilai kaedah-kaedah pengajaran braille yang sedia ada dan membentuk pendekatan inovatif yang boleh meningkatkan keberkesanan pengajaran braille, sekaligus menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 4). Metodologi kajian ini berfokus pada pendekatan kajian tinjauan literatur yang menyeluruh, mengkaji teori-teori pembelajaran dan kaedah pengajaran kemahiran bacaan awal braille kepada KKP. Dapatkan menunjukkan bahawa gabungan teori pembelajaran seperti Teori Perkembangan Kognitif Piaget, Teori Behaviorisme, Teori Konstruktivisme, Teori Nativisme, Teori Sosiobudaya Vygotsky dan Teori Pembelajaran Sosial

**DOI:** 10.35631/IJMOE.622027**This work is licensed under CC BY 4.0**

Bandura membentuk asas kukuh untuk merancang strategi pengajaran yang berkesan. Kaedah pengajaran bacaan awal seperti KGBK yang digunakan di Malaysia telah terbukti berkesan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kajian ini mencadangkan bahawa KGBK boleh disesuaikan untuk pengajaran braille dengan menggabungkan kelebihan kaedah fonik dan keseluruhan perkataan. Selain itu, kaedah pengajaran braille seperti Kaedah Gred 1 dan Gred 2, Kaedah Mangold, Kaedah ABKL dan Kaedah Pembelajaran Dwi turut dinilai keberkesanannya. Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa tiada satu kaedah pengajaran yang sesuai untuk semua kanak-kanak. Keberkesaan pengajaran bergantung pada keupayaan guru untuk menyesuaikan kaedah mengikut keperluan individu kanak-kanak dan konteks pembelajaran.

**Kata Kunci:**

Kaedah Pengajaran, Ketidakupayaan Penglihatan, Literasi Braille, Membaca, Pendidikan Khas

**Abstract:**

Braille instruction is a key component in special education for children with visual impairments, but various challenges still arise in the implementation of braille teaching. The main issues include a lack of flexible teaching methods, insufficient comprehensive teacher training, and a lack of technology integration. The goal of this study is to evaluate existing braille teaching methods and develop innovative approaches that can improve braille instruction effectiveness, thereby supporting the achievement of the Sustainable Development Goals (SDG 4). The methodology of this study focusses on a comprehensive literature review approach, examining theories of learning and methods for teaching early braille reading skills to individuals with visual impairments. The findings indicate that the combination of learning theories such as Piaget's Cognitive Development Theory, Behaviourism Theory, Constructivism Theory, Nativism Theory, Vygotsky's Sociocultural Theory, and Bandura's Social Learning Theory forms a solid foundation for designing effective teaching strategies. The early reading teaching method, such as KGBK used in Malaysia, has proven effective in teaching the Malay language. This study suggests adapting KGBK to teach braille by combining the advantages of phonics and whole word methods. We have also evaluated the effectiveness of various braille teaching methods, including the Grade 1 and Grade 2 methods, the Mangold method, the ABKL method, and the dual learning method. In conclusion, this study found that there is no single teaching method suitable for all children. The effectiveness of teaching depends on the teacher's ability to adapt methods according to the individual needs of children and the learning context.

**Keywords:**

Teaching Methods, Visual Impairment, Braille Literacy, Reading, Special Education

**Pengenalan**

Pengajaran braille merupakan komponen utama dalam pendidikan khas bagi kanak-kanak ketidakupayaan penglihatan (KKP). Namun, pelbagai cabaran masih dihadapi dalam pelaksanaan pengajaran braille terutamanya dalam memastikan pendekatan pengajaran yang sesuai dan berkesan untuk kanak-kanak ini. Masalah utama yang dihadapi termasuk kekurangan kaedah pengajaran yang fleksibel, kekurangan latihan guru yang komprehensif dan

kurangnya integrasi teknologi dalam proses pembelajaran braille. Kesemua faktor ini menyumbang kepada kelewatan pencapaian literasi braille dalam kalangan kanak-kanak KKP terutamanya di negara membangun seperti Malaysia.

Menurut laporan daripada *World Blind Union* (2021), pendidikan braille masih kurang dilaksanakan secara seragam di kebanyakan negara membangun, yang berpunca daripada kekurangan sumber dan bimbingan untuk guru pendidikan khas yang pakar dalam pengajaran braille. Keadaan ini lebih teruk lagi dengan kekurangan bahan pengajaran yang disesuaikan, serta kesukaran dalam menyediakan akses kepada teknologi pendidikan yang boleh membantu mempercepatkan pengajaran braille.

Selain itu, *American Foundation for the Blind* (2020) menyatakan bahawa salah satu masalah kritikal dalam pendidikan braille adalah kekurangan latihan dan sokongan untuk guru. Ramai guru pendidikan khas tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk mengadaptasi kaedah pengajaran braille mengikut keperluan individu kanak-kanak, yang menyebabkan prestasi pembelajaran braille dalam kalangan kanak-kanak KKP menjadi tidak konsisten. Kekurangan penyelarasan antara teori pembelajaran dan kaedah pengajaran juga menyumbang kepada masalah ini.

Cabarannya yang ketara ialah kesukaran dalam menggabungkan teknologi dalam pengajaran braille, yang berpotensi untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran braille. *Royal National Institute of Blind People* (2022) melaporkan bahawa walaupun terdapat kemajuan dalam pembangunan teknologi seperti paparan braille elektronik dan perisian pembaca skrin, penggunaan alat ini masih tidak meluas, terutamanya di kalangan guru pendidikan khas di negara-negara yang mempunyai kekangan sumber.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai kaedah-kaedah pengajaran braille yang sedia ada dan membentuk pendekatan inovatif yang boleh meningkatkan keberkesanan pengajaran braille, sekaligus menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 4) yang menekankan pendidikan inklusif dan berkualiti tinggi untuk semua kanak-kanak, termasuk mereka yang mengalami ketidakupayaan penglihatan.

### **Teori Pengajaran Kemahiran Bacaan Awal Braille**

Pendidikan khas bagi KKP memerlukan strategi yang berbeza berbanding pendidikan arus perdana. Pengajaran bacaan awal braille merupakan salah satu komponen utama dalam kurikulum ini. Melalui penggunaan sistem tulisan braille, individu yang buta atau mengalami ketidakupayaan penglihatan dapat membaca melalui sentuhan. Terdapat beberapa teori yang boleh digunakan untuk mengajar kemahiran bacaan awal braille seperti berikut:

#### ***Teori Perkembangan Kognitif Piaget***

Jean Piaget merupakan seorang ahli psikologi pendidikan terkenal yang membangunkan teori perkembangan kognitif dengan membahagikan perkembangan kanak-kanak kepada empat peringkat utama: sensorimotor, praoperasi, operasi konkrit, dan operasi formal (Piaget 1952). Teori ini memberikan pemahaman yang mendalam tentang cara kanak-kanak belajar dan berkembang secara kognitif, dan ia sangat berguna dalam pengajaran kemahiran membaca braille pada peringkat awal. Jadual satu menunjukkan peringkat-peringkat perkembangan kognitif Piaget (1952).

**Jadual 1: Peringkat-Peringkat Perkembangan Kognitif Piaget (1952)**

<b>Peringkat</b>	<b>Penerangan</b>
Peringkat Sensorimotor (0-2 tahun)	Pada peringkat sensorimotor, kanak-kanak belajar melalui pergerakan dan sentuhan. Mereka menggunakan deria untuk meneroka persekitaran (Piaget 1952). Guru boleh menggunakan latihan sentuh dan gerak untuk membiasakan kanak-kanak dengan tekstur dan bentuk huruf braille semasa mengajar membaca. Contohnya, guru boleh menggunakan papan braille dengan huruf besar dan mudah disentuh. Guru boleh memberi peluang kepada kanak-kanak untuk merasa dan menyentuh aksara braille dengan tangan mereka. Amalan ini dapat membantu kanak-kanak memperoleh pemahaman asas tentang tekstur dan bentuk huruf braille. Guru juga boleh menggunakan benda biasa yang sesuai dengan huruf braille. Misalnya, guru boleh meminta kanak-kanak menyentuh bola dan huruf "b" secara bergilir-gilir sambil menggunakan bola untuk melambangkan huruf "b." Ini membantu kanak-kanak mengaitkan huruf braille dengan objek.
Peringkat Pra-Operasi (2-7 tahun)	Pada peringkat praoperasi, kanak-kanak mula memahami konsep asas seperti simbol dan perwakilan. Mereka juga mula menggambarkan konsep atau objek menggunakan simbol (Piaget 1952). Pada peringkat ini, guru boleh mengajar kanak-kanak cara mengenali huruf braille dan mengaitkannya dengan bunyi atau benda tertentu. Untuk membantu kanak-kanak memahami konsep membaca, guru boleh menggunakan latihan yang menghubungkan objek biasa dengan huruf braille. Contohnya, guru boleh menggunakan buku teks braille yang mengandungi gambar objek bersama-sama dengan huruf braille yang sepadan. Guru boleh membenarkan kanak-kanak mengendalikan aksara braille dan mengaitkannya dengan imej objek sebenar. Guru juga boleh menggunakan permainan interaktif yang menggunakan aksara braille. Misalnya, guru boleh mengarahkan kanak-kanak untuk mencari dan menyentuh aksara braille tertentu dalam buku teks. Hasilnya, kanak-kanak dapat belajar membaca braille dengan lebih cepat dan cekap.
Peringkat konkrit (7-11 tahun)	Pada peringkat konkrit, kanak-kanak mula menggunakan konsep konkrit dan pemikiran logik untuk memahami dunia di sekeliling mereka (Piaget 1952). Pada peringkat ini, guru boleh mengajar kanak-kanak membaca perkataan dan ayat braille dengan lebih berkesan. Untuk membantu kanak-kanak memahami konsep bacaan, guru boleh menggunakan latihan yang menggabungkan perkataan dan ayat braille. Contohnya, guru boleh meminta kanak-kanak membaca cerita pendek daripada buku teks braille. Selain membaca perkataan dan frasa dengan kuat kepada kelas, guru boleh membenarkan kanak-kanak mengendalikan huruf braille. Guru juga boleh menggunakan permainan interaktif yang menggabungkan perkataan dan ayat dalam braille. Misalnya, guru boleh mengarahkan kanak-kanak untuk mencari dan menyentuh istilah tertentu dalam naratif. Hasilnya, kanak-kanak dapat belajar membaca braille dengan lebih cepat dan cekap.
Peringkat Formal: Umur Sebelas	Pada peringkat formal, kanak-kanak mula menggunakan konsep abstrak untuk memahami dunia di sekeliling mereka dan mula berfikir secara abstrak (Piaget 1952). Pada peringkat ini, guru boleh mengajar kanak-kanak membaca dan memahami teks braille yang lebih rumit. Guru boleh

Tahun ke Atas	membantu kanak-kanak memahami konsep bacaan dengan melaksanakan latihan yang menggunakan teks braille yang lebih kompleks. Contohnya, guru boleh menugaskan kanak-kanak membaca artikel atau cerita yang lebih panjang dalam buku teks braille. Selain membaca perkataan dan frasa dengan kuat kepada kelas, guru boleh memberikan kanak-kanak mengendalikan huruf braille. Guru juga boleh menggunakan permainan interaktif dengan tulisan braille yang lebih rumit. Misalnya, guru boleh memberi tugas kepada kanak-kanak untuk mencari dan menyentuh perkataan tertentu dalam cerita atau artikel. Hasilnya, kanak-kanak dapat belajar membaca braille dengan lebih cepat dan cekap.
---------------	---

Sumber: (Azizah Awang et al. 2024)

Teori Perkembangan Kognitif Piaget menunjukkan bahawa kanak-kanak belajar secara bertahap melalui pengalaman deria dan interaksi dengan persekitaran mereka. Dalam konteks pengajaran braille, teori ini membantu guru memahami bagaimana kanak-kanak dapat mempelajari braille dengan lebih baik melalui sentuhan dan peringkat perkembangan kognitif yang berbeza.

### ***Teori Pembelajaran Kognitif Piaget (1970)***

Jean Piaget telah mengemukakan teori perkembangan kognitif pada tahun 1970. Teori tersebut menggariskan empat peringkat pertumbuhan kanak-kanak: sensorimotor, praoperasi, operasi konkrit, dan operasi formal. Teori ini memberi kita pemahaman yang mendalam tentang cara kanak-kanak belajar dan berkembang secara intelek dan ini membantu guru mengajar mereka cara membaca braille sejak awal lagi. Kajian ini akan membincangkan lima idea utama Piaget: skema, penyesuaian, asimilasi, akomodasi dan keseimbangan. Kajian ini juga akan mengkaji aplikasi idea-idea ini dalam pengajaran braille. Berikut adalah penerangan berkaitan lima idea utama daripada teori pembelajaran kognitif Piaget (1970) seperti jadual 2.

**Jadual 2: Konsep Utama Teori Pembelajaran Kognitif Piaget (1970)**

Konsep Utama	Penerangan
Skema	Skema merupakan sistem mental atau corak pemikiran kanak-kanak menggunakan skema untuk memahami dunia di sekeliling mereka (Piaget 1970). Apabila kanak-kanak belajar braille, skema boleh merujuk kepada sejauh mana mereka memahami huruf, perkataan dan struktur ayat. Guru boleh membantu kanak-kanak membina skema braille yang kukuh dan tepat dengan menyediakan peluang pembelajaran yang teratur dan berulang. Guru boleh menggunakan papan braille yang menampilkan huruf besar dan mudah dibaca berserta objek biasa yang boleh dikaitkan dengan simbol braille.
Penyesuaian	Dalam pembelajaran braille, kanak-kanak perlu menyesuaikan skema mental mereka apabila mempelajari huruf atau perkataan baharu. Proses penyesuaian ini memerlukan bantuan guru yang berkesan. Kaedah ‘scaffolding’ atau perancah adalah pendekatan di mana guru memberikan sokongan yang lebih banyak pada awalnya, kemudian secara beransur-ansur mengurangkannya sehingga kanak-kanak dapat belajar secara berdikari (Piaget 1970). Pendekatan ini membantu kanak-kanak membina keyakinan dan kemahiran dalam pembelajaran braille secara berperingkat.

Asimilasi	Asimilasi dalam pembelajaran braille merujuk kepada proses di mana kanak-kanak menggunakan pengetahuan sedia ada tentang huruf braille untuk memahami perkataan dan ayat baharu. Untuk memudahkan proses ini, guru perlu menyediakan peluang pembelajaran yang teratur dan berulang (Piaget 1970). Contohnya, guru boleh menggunakan buku braille dengan cerpen, meminta kanak-kanak membacanya dan memberitahu mereka menyentuh huruf braille serta membaca perkataan dan ayat secara bergilir-gilir. Pendekatan ini membantu kanak-kanak mengasimilasikan pengetahuan baharu dengan lebih berkesan dalam pembelajaran braille.
Akomodasi	Penginapan atau akomodasi dalam pembelajaran braille merujuk kepada proses di mana kanak-kanak mengubah skema mental mereka untuk menerima pengetahuan baharu yang tidak sesuai dengan pemahaman sedia ada. Proses ini sering diperlukan apabila kanak-kanak mempelajari huruf braille baharu atau menghadapi perkataan dan ayat yang mencabar. Guru memainkan peranan penting dalam membantu kanak-kanak melalui proses penginapan ini dengan menyediakan bantuan dan bimbingan yang sesuai (Piaget 1970). Sebagai contoh, guru boleh menggunakan permainan interaktif dengan huruf braille baharu atau mengarahkan kanak-kanak untuk mencari dan menyentuh huruf braille tertentu dalam buku, membantu mereka mengintegrasikan pengetahuan baharu ke dalam pemahaman mereka.
Keseimbangan	Keseimbangan dalam pembelajaran braille dicapai apabila skema kanak-kanak dan pengetahuan baharu mencapai tahap kestabilan. Pada tahap ini, kanak-kanak dapat membaca braille dengan baik, mendapatkan kejayaan dalam pembelajaran mereka (Piaget 1970). Guru boleh membantu kanak-kanak mencapai keseimbangan ini melalui aktiviti pembelajaran yang dirancang dan berulang seperti membaca cerita panjang dalam buku teks braille. Konsep ini adalah sebahagian daripada teori perkembangan kognitif Piaget yang memberi pemahaman mendalam tentang cara kanak-kanak belajar dan berkembang secara mental.

Sumber: (Azizah Awang et al. 2024)

Teori ini sangat bermanfaat dalam pengajaran kemahiran bacaan awal braille yang membantu guru memahami perkembangan kanak-kanak dan menyesuaikan kaedah pengajaran mereka (Piaget 1970). Dengan mengaplikasikan konsep-konsep seperti skema, penyesuaian, asimilasi, penginapan dan keseimbangan, guru dapat menyediakan pengalaman pembelajaran yang menyeluruh dan berkesan untuk kanak-kanak mereka dalam konteks pembelajaran braille.

### **Teori Behaviorisme**

Teori Behaviorisme yang dibangunkan oleh pakar seperti Skinner, Watson dan Pavlov menekankan penggunaan peneguhan dan pengulangan dalam proses pembelajaran. Teori ini beranggapan bahawa tingkah laku manusia boleh dipelajari melalui proses pelaziman iaitu tingkah laku tertentu boleh dikuatkan atau dilemahkan melalui penggunaan ganjaran dan hukuman (Pavlov 1927; Skinner 1953; Watson 1913). Dalam konteks pengajaran kemahiran membaca braille pada peringkat awal, teori behaviorisme boleh digunakan untuk mengukuhkan pembelajaran dan membantu kanak-kanak menguasai kemahiran membaca

braille dengan lebih cepat dan berkesan. Teori behaviorisme menyediakan kerangka penting untuk memahami dan meningkatkan pembelajaran braille melalui beberapa konsep utama seperti jadual 3.

### Jadual 3: Konsep Utama Teori Behaviorisme

Konsep Utama	Penerangan
Pengukuhan positif	Guru menggunakan pujian atau ganjaran untuk menggalakkan pembelajaran braille yang baik. Ini boleh termasuk kata-kata semangat atau ganjaran kecil.
Peneguhan negatif	Mengurangkan sesuatu yang tidak disukai (seperti jumlah kerja rumah) apabila kanak-kanak menunjukkan kemajuan dalam membaca braille.
Pengulangan	Latihan berulang membantu kanak-kanak menguasai kemahiran braille dengan lebih cepat dan lebih baik.
Pelaziman klasik	Menggunakan rangsangan neutral (seperti bunyi atau isyarat) untuk mencetuskan tingkah laku yang diingini dalam pembelajaran braille.
Pelaziman operan	Menggunakan sistem ganjaran dan hukuman untuk menggalakkan atau tidak menggalakkan tingkah laku tertentu dalam pembelajaran braille.

Sumber: (Azizah Awang et al. 2024)

Teori behavioris ini membantu guru kemahiran bacaan awal braille untuk merancang pengajaran yang berkesan, membantu kanak-kanak mengingati apa yang telah dipelajari dan menggalakkan pembelajaran berterusan. Dengan menggabungkan teknik-teknik ini, guru dapat menyediakan pengalaman pembelajaran yang optimal untuk kanak-kanak mereka dalam konteks pembelajaran braille.

### Teori Konstruktivisme

Teori konstruktivisme yang dikembangkan oleh Jean Piaget, Lev Vygotsky dan Jerome Bruner menekankan bahawa pembelajaran adalah proses aktif di mana individu membina pengetahuan mereka sendiri melalui interaksi dengan persekitaran dan pengalaman peribadi (Kouicem and Nachoua 2018; Mountelos 2017). Dalam konteks pembelajaran braille, pendekatan konstruktivis ini dapat membantu kanak-kanak mengembangkan kemahiran membaca secara aktif dan mandiri.

Aplikasi teori ini dalam pengajaran kemahiran bacaan awal braille membolehkan kanak-kanak terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran, mengeksplorasi dan menemui konsep-konsep braille melalui pengalaman langsung. Pendekatan ini menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam dan penguasaan kemahiran yang lebih baik kerana kanak-kanak membina pemahaman mereka sendiri tentang sistem braille berdasarkan interaksi mereka dengan bahan pembelajaran dan persekitaran. Teori konstruktivisme menekankan lima pendekatan utama dalam pembelajaran braille seperti jadual 4.

**Jadual 4: Pendekatan Teori Konstruktivisme**

<b>Pendekatan</b>	<b>Penerangan</b>
Pembelajaran aktif	Guru mewujudkan persekitaran di mana kanak-kanak terlibat secara aktif dengan huruf braille melalui aktiviti amali, seperti menyentuh dan merasakan huruf.
Pengalaman berkaitan	Guru mengaitkan pembelajaran braille dengan pengalaman sedia ada kanak-kanak contohnya menggunakan objek harian untuk melambangkan huruf braille.
Interaksi sosial	Pembelajaran braille digalakkan melalui aktiviti berkumpulan membolehkan kanak-kanak belajar daripada satu sama lain.
Pembelajaran berdasarkan masalah	Guru menyediakan tugas penyelesaian masalah yang melibatkan penggunaan huruf braille menggalakkan pemikiran kritis.
Pembelajaran berasaskan konteks	Aktiviti pembelajaran braille direka dalam konteks kehidupan seharian kanak-kanak menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan relevan.

Sumber: (Azizah Awang et al. 2024)

Pendekatan konstruktivisme ini membantu guru mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menggalakkan perkembangan kognitif kanak-kanak. Ia membolehkan kanak-kanak menjadi aktif dalam pembelajaran, menggunakan pengalaman terdahulu, berinteraksi secara sosial, menyelesaikan masalah dan belajar dalam konteks yang bermakna. Hasilnya ialah pendekatan holistik dan berkesan dalam pengajaran kemahiran bacaan awal braille.

**Teori Nativisme**

Teori nativisme berpendapat bahawa beberapa kebolehan dan pengetahuan adalah intrinsik atau diwarisi, bukannya dipelajari sepenuhnya. Para saintis seperti Noam Chomsky percaya bahawa manusia dilahirkan dengan struktur otak yang membantu mereka mempelajari bahasa dengan cepat. Jika KKP mempunyai kecenderungan atau struktur mental yang membolehkan mereka belajar braille dengan lebih cepat, nativism boleh menjelaskan fenomena ini. Berikut adalah penerangan tentang konsep nativisme seperti jadual 5.

**Jadual 5: Konsep Teori Nativisme**

<b>Konsep</b>	<b>Penerangan</b>
Modul mental	Modul mental adalah struktur kognitif khusus tujuan yang bersifat semula jadi. Guru perlu menyedari bahawa kanak-kanak mungkin mempunyai modul mental yang membantu mereka belajar braille dengan lebih cepat. Kanak-kanak yang memahami dan mengingati corak dengan baik boleh mempelajari huruf braille dengan lebih cepat. Guru boleh memanfaatkan kecenderungan ini dengan meminta kanak-kanak mencari corak dalam teks braille.
Kemahiran semula jadi	Kemahiran semula jadi wujud tanpa memerlukan pembelajaran. Guru braille perlu memanfaatkan kemahiran semula jadi kanak-kanak untuk mempercepatkan pembelajaran. Contohnya, kanak-kanak yang secara semula jadi peka terhadap tekstur dan bentuk mungkin mempelajari huruf braille dengan lebih cepat. Guru boleh mengukuhkan kebolehan ini dengan aktiviti yang melibatkan tekstur dan bentuk.
Struktur mental	Manusia mengasimilasikan maklumat dengan cepat kerana struktur kognitif semula jadi mereka. Guru braille perlu menyedari bahawa kanak-

kanak boleh memproses bahan braille dengan lebih cepat disebabkan oleh struktur mental mereka. Kanak-kanak mungkin mempunyai struktur otak yang membantu mereka mengesan dan mengingati corak huruf braille. Guru boleh memanfaatkan struktur mental ini dengan meminta kanak-kanak mengesan corak braille dalam teks.

Kecenderungan genetik	Menurut teori nativisme, kecenderungan genetik ditentukan oleh gen bukan daripada pengalaman. Guru braille perlu sedar bahawa sesetengah kanak-kanak mungkin memiliki kecenderungan genetik yang membolehkan mereka belajar dengan lebih cepat. Kanak-kanak yang mempunyai kebolehan genetik untuk mengenal pasti dan mengingati corak berkemungkinan dapat mempelajari huruf braille dengan lebih cepat. Guru boleh memanfaatkan kecenderungan genetik ini dengan menggalakkan kanak-kanak mencari dan mengenal pasti corak dalam teks braille.
Interaksi Antara Semula Jadi dan Pembelajaran	Nativisme juga berpendapat bahawa perkembangan kognitif bergantung kepada kemahiran dan pembelajaran semula jadi. Seorang guru perlu menggunakan kemahiran semula jadi kanak-kanak sambil menyediakan persekitaran pembelajaran yang teratur dan berulang untuk braille. Guru boleh menggunakan tekstur dan bentuk untuk meningkatkan kemahiran semula jadi kanak-kanak dan menyediakan pengalaman pembelajaran terkawal dan berulang.

Sumber: (Azizah Awang et al. 2024)

Nativisme menjelaskan bagaimana beberapa kebolehan dan pengetahuan adalah semula jadi atau diwarisi. Idea ini membantu guru memahami kecenderungan dan proses mental kanak-kanak untuk mengajar kemahiran bacaan awal braille dengan lebih cepat. Guru boleh memberikan kanak-kanak mereka pendidikan yang holistik dan produktif dengan menggunakan kaedah nativis.

### **Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura**

Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura (1977) menekankan bahawa pembelajaran berlaku melalui pemerhatian, interaksi sosial dan pengalaman langsung. Teori ini relevan untuk mengajar kemahiran bacaan awal braille terutamanya untuk KKP yang memerlukan pendekatan yang lebih kreatif dan inklusif. Dalam pengajaran braille, kanak-kanak boleh belajar dengan memerhatikan demonstrasi oleh guru atau rakan sekelas yang lebih mahir. Seorang guru boleh menunjukkan cara membaca huruf braille dan mengesan titik braille dengan jari. Kanak-kanak boleh mempraktikkan teknik dengan meniru gerakan ini. Kanak-kanak meniru tingkah laku yang mereka perhatikan dalam pemodelan. Pemodelan membantu dengan kemahiran teknikal, irama, rentak dan tekanan untuk membaca braille.

Bandura juga mencadangkan peneguhan tidak langsung, di mana orang belajar tentang akibat tingkah laku dengan memerhati orang lain. Seorang kanak-kanak mungkin melihat rakan sekelas mendapat pujian atau ganjaran kerana membaca karya braille. Kanak-kanak lain mungkin mencuba dengan lebih gigih dalam pembelajaran braille dengan harapan untuk menerima pujian yang sama seperti rakan sekelas mereka. Ini meningkatkan motivasi intrinsik kanak-kanak untuk belajar, walaupun menghadapi cabaran awal.

Peranan kognitif dan efikasi kendiri: Teori Pembelajaran Sosial menyerlahkan kepentingan proses kognitif dalam pembelajaran. Ini merangkumi fokus, pemprosesan dan motivasi. Guru

boleh meningkatkan efikasi kendiri braille kanak-kanak. Guru boleh meningkatkan keyakinan diri kanak-kanak dengan memberikan tugas yang sesuai dengan kebolehan mereka dan memberi maklum balas yang positif. Efikasi kendiri yang tinggi mempengaruhi sejauh mana seorang kanak-kanak berusaha dan bertahan. Kanak-kanak yang percaya mereka boleh belajar braille lebih fokus dan bermotivasi.

Guru boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih dinamik dan menyokong dengan menerapkan idea-idea teori pembelajaran sosial ke dalam pengajaran kemahiran bacaan awal braille. Pendekatan ini menjadikan pembelajaran lebih berkesan dan menyeluruh dengan menyokong perkembangan emosi dan motivasi kanak-kanak, di samping membantu meningkatkan pemahaman teknikal braille.

### ***Teori Sosiod budaya Vygotsky (1978)***

Salah satu idea pendidikan yang paling penting dalam bidang pendidikan khas ialah teori sosiod budaya Vygotsky (1978). Teori ini biasanya dirujuk sebagai teori perkembangan sosiokognitif. Teori ini amat relevan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran untuk KKP . Pada awal abad ke-20, ahli psikologi Lev Vygotsky mengembangkan teori ini. Teori ini menekankan peranan interaksi sosial dan latar belakang budaya dalam perkembangan kognisi. Idea utama dalam teori sosiod budaya Vygotsky (1978) adalah seperti berikut jadual 6.

**Jadual 6: Idea Utama Teori Sosiod budaya Vygotsky (1978)**

Idea Utama	Penerangan
Zon Perkembangan Proksimal (ZPD)	Teori sosiod budaya Vygotsky menjelaskan pembelajaran melalui beberapa prinsip asas. Salah satu konsep penting ialah ZPD. ZPD merujuk kepada perbezaan antara apa yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak secara bersendirian dan apa yang boleh mereka lakukan dengan bantuan daripada guru atau rakan sebaya. ZPD membantu guru pendidikan khas menilai keupayaan kanak-kanak dan memberikan sokongan yang sesuai untuk membantu mereka berkembang. Menurut Vygotsky (1978), ZPD ialah jarak antara tahap perkembangan sebenar kanak-kanak dan tahap perkembangan potensi mereka dengan bimbingan orang dewasa atau kerjasama dengan rakan sebaya yang lebih berkebolehan. Secara ringkasnya, ZPD menggambarkan jurang antara keupayaan semasa kanak-kanak dan potensi mereka dengan bantuan. ZPD membantu guru pendidikan khas dalam menilai dan menyokong KKP .
